

# PENYATA KEWANGAN/*Financial Statement*

## KANDUNGAN/*Contents*

Laporan Pengarah <i>Directors' Report</i>	78-83 128-132
Penyata Para Pengarah <i>Statement By Directors</i>	84 133
Akuan Berkanun <i>Statutory Declaration</i>	84 133
Laporan Majlis Pengawasan Syariah <i>Report of the Syariah Supervisory Council</i>	85 134
Laporan Juruaudit <i>Auditors' Report</i>	86 135
Lembaran Imbangan Disatukan - 30 Jun, 2002 <i>Consolidated Balance Sheet - 30 June, 2002</i>	87 136
Penyata Pendapatan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002 <i>Consolidated Income Statement For The Year Ended 30 June, 2002</i>	88 137
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002 <i>Consolidated Statement Of Changes In Equity For The Year Ended 30 June, 2002</i>	89 138
Penyata Aliran Tunai Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002 <i>Consolidated Cash Flow Statement For The Year Ended 30 June, 2002</i>	90-91 139-140
Lembaran Imbangan - 30 Jun, 2002 <i>Balance Sheet - 30 June, 2002</i>	92 141
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002 <i>Income Statement For The Year Ended 30 June, 2002</i>	93 142
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002 <i>Statement Of Changes In Equity For The Year Ended 30 June, 2002</i>	94 143
Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002 <i>Cash Flow Statement For The Year Ended 30 June, 2002</i>	95-96 144-145
Nota Berkendaaan Penyata Kewangan - 30 Jun, 2002 <i>Notes To The Financial Statements - 30 June, 2002</i>	97-120 146-169
Akaun Untungrugi Terperinci Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002 <i>Detailed Income Statement For The Year Ended 30 June, 2002</i>	121 170
Akaun Hasil Takaful Am Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002 <i>General Takaful Revenue Account For The Year Ended 30 June, 2002</i>	122-123 171
Akaun Hasil Takaful Semula Am Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002 <i>General Inward Retakaful Revenue Account For The Year Ended 30 June, 2002</i>	124 172
Akaun Hasil Takaful Keluarga Berkelompok Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002 <i>Group Family Takaful Revenue Account For The Year Ended 30 June, 2002</i>	125 173
Akaun Hasil Takaful Keluarga Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002 <i>Family Takaful Revenue Account For The Year Ended 30 June, 2002</i>	126-127 174-175

**Penyata Kewangan**

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

**Laporan Pengarah**

Para pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun, 2002.

**KEGIATAN UTAMA**

Kegiatan utama Syarikat adalah mengendalikan perniagaan takaful keluarga dan takaful am.

Kegiatan utama subsidiari dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan utama ini di sepanjang tahun kewangan.

**HASIL**

	<b>Kumpulan RM</b>	<b>Syarikat RM</b>
Keuntungan selepas cukai dan zakat	9,079,679	11,988,316
Kepentingan minoriti	1,260,829	-
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	<u>10,340,508</u>	<u>11,988,316</u>

**DIVIDEN**

Jumlah dividen yang dibayar atau disyorkan oleh Syarikat sejak 30 Jun, 2001 adalah seperti berikut :

Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun, 2001

Dividen terakhir sebanyak 7.5% bagi 55,000,000 saham biasa selepas ditolak cukai 28% dibayar pada 14 Disember, 2001

**RM**2,970,000

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dividen terakhir yang dikecualikan cukai pada kadar 7.5% ke atas 55,000,000 saham biasa yang berjumlah RM4,125,000 (7.5 sen sesaham) bagi tahun kewangan semasa berakhir 30 Jun 2002 akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang saham. Penyata kewangan bagi tahun semasa tidak mengambil kira dividen yang dicadangkan ini. Dividen tersebut, jika dipersetujui oleh para pemegang saham, akan diambil kira di dalam ekuiti pemegang saham sebagai pengasingan keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan yang berikutnya yang berakhir pada 30 Jun, 2003.

**RIZAB DAN PERUNTUKAN**

Tidak ada pindahan yang penting kepada atau dari rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan di dalam Penyata Perubahan Dalam Ekuiti.

**PERUNTUKAN UNTUK TUNTUTAN YANG BELUM DIBAYAR**

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan dibuat, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan peruntukan yang mencukupi bagi tuntutan dibuat, termasuk tuntutan Yang Berlaku Tetapi Belum Dilaporkan ("IBNR").

**HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU**

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan disediakan, para pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan menghapuskan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuashati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat terhadap hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang mungkin akan menyebabkan jumlah hutang lapuk boleh dihapuskan atau jumlah yang diperuntukan bagi hutang ragu di dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi ke peringkat yang menjejaskan.

**ASET SEMASA**

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan disediakan, para pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa aset semasa yang mungkin tidak dapat dijual dalam perjalanan perniagaan biasa pada nilai yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dianggap boleh didapati.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menjadikan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

## **KAEDAH PENILAIAN**

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui wujudnya sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang wujud bagi penilaian aset atau tanggungan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

## **TANGGUNGAN LUARJANGKA DAN LAIN-LAIN TANGGUNGAN**

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak berakhirnya tahun kewangan yang menjamin tanggungan pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luarjangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak berakhirnya tahun kewangan.

Tidak ada tanggungan luarjangka atau lain-lain tanggungan yang telah atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan dari akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat para pengarah, akan atau boleh memberi kesan yang penting terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya.

## **PERUBAHAN KEADAAN**

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari wujudnya sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menjadikan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

## **BUTIRAN TIDAK LAZIM**

Para pengarah berpendapat bahawa hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat di sepanjang tahun kewangan tidak dipengaruhi secara besaran oleh sebarang butiran, urusan atau kejadian yang bersifat penting dan tidak lazim.

Di dalam jangkamasa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang butiran, urusan atau kejadian yang bersifat penting dan tidak lazim yang, pada pendapat para pengarah, akan memberi kesan penting ke atas hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini telah dibuat.

## **PERISTIWA PENTING**

Peristiwa penting sepanjang tahun kewangan adalah seperti yang dinyatakan di Nota 30 kepada penyata kewangan.

## **SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN ("ESOS")**

Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") telah diluluskan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada 8 Mei, 1996 dan telah berkuatkuasa pada 16 Julai, 1997 bagi tempoh 5 tahun.

Ciri-ciri utama ESOS adalah:

- (a) Mereka yang layak adalah para kakitangan Syarikat yang telah disahkan perkhidmatan mereka secara bertulis dan sedang berkhidmat dengan Syarikat termasuk pengarah-pengarah eksekutif sepenuh masa.
- (b) Jumlah bilangan saham yang akan ditawarkan di bawah ESOS tidak boleh melebihi 10% daripada modal saham yang diterbitkan dan berbayar Syarikat pada bila-bila masa dalam jangkamasa skim opsyen saham.
- (c) Harga opsyen bagi setiap saham di bawah ESOS adalah harga purata bagi pertengahan sebut harga pasaran saham sebagaimana yang dinyatakan dalam senarai rasmi harian yang dikeluarkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur bagi lima hari niaga sebelum tarikh tawaran, atau harga tutup pasaran pada hari terakhir sebelum tarikh tawaran, yang mana lebih tinggi.
- (d) Bilangan saham di bawah opsyen, harga opsyen dan kaedah opsyen yang dilaksanakan mungkin akan menerima pengubahsuaian sebagai hasil daripada sebarang pindaan struktur modal Syarikat melalui permodalan keuntungan atau rizab, terbitan hak atau pengurangan modal, sekiranya ada, yang dibuat oleh Syarikat semasa opsyen masih belum dilaksanakan.

**Penyata Kewangan**

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Tiada sebarang opsyen dilaksanakan sejak tarikh tawaran bermula.

Opsyen untuk melanggan saham biasa bernilai RM1 sesaham yang masih belum dilaksanakan pada 30 Jun, 2002 adalah seperti berikut:

Tarikh tawaran	Harga opsyen RM	Bilangan saham biasa bernilai RM1 untuk dilanggan
22 September, 1997	4.10	4,500,000

Susulan kepada tahun berakhir, tempoh bagi ESOS yang sedia ada telah tamat dan Syarikat di dalam proses untuk memperkenalkan satu ESOS baru untuk menggantikan skim yang sedia ada seperti yang dinyatakan di dalam Nota 30 kepada penyata kewangan.

**PENGAWASAN KORPORAT****(a) Tanggungjawab Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengendalikan sumber-sumber Syarikat dengan baik, mencapai objektif-objektif korporat dan warga korporat yang baik dan melaksanakan tanggungjawab selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah Akta Takaful (Pindaan) 1984, dan peraturan-peraturan Bank Negara Malaysia mengenai tugas-tugas dan tanggungjawab Pengarah dan Ketua Eksekutif Penanggung Insurans (JPI/GPI 1) dan Rangka Kerja Pentadbiran Korporat Penanggung Insurans (JPI/GPI 25) dan lain-lain garis panduan di samping menyesuaikan amalan pengawasan korporat lain yang baik.

Lembaga Pengarah yang terdiri daripada lapan pengarah bukan eksekutif dilantik bertujuan untuk memastikan pertimbangan yang saksama dan objektif dan keputusan optimal dicapai dalam menangani isu-isu Syarikat dan seorang pengarah eksekutif yang membantu di dalam membuat keputusan dengan menyediakan maklumat-maklumat pentadbiran dan operasi ke atas isu-isu yang dibentangkan di Lembaga Pengarah.

**(b) Kebertanggungjawaban Pengurusan**

Syarikat mempunyai struktur organisasi yang menunjukkan semua lapisan kakitangan melapor dan dokumentasi keterangan tugas-tugas pihak pengurusan dan kakitangan eksekutif.

Had-had kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dinyatakan dan disediakan dengan jelas kepada semua kakitangan.

**(c) Kebebasan Korporat**

Semua urusan ketara dengan pihak yang berkaitan dinyatakan di Nota 27 kepada penyata kewangan.

**(d) Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Operasi**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk membentuk pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang efektif.

Syarikat melakukan proses berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko besar yang dihadapi oleh Syarikat menerusi fungsi-fungsi pengurusan yang berkaitan dan kawalan dalaman seperti had-had risiko operasi untuk semua aktiviti-aktiviti utama. Syarikat telah membentuk kawalan dalaman yang merangkumi semua lapisan pekerja dan proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat berjalan dengan efektif dan menjaga aset-aset Syarikat dan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam Syarikat.

Penilaian berterusan ke atas keberkesanan dan kesesuaian kawalan dalaman, yang merangkumi pemeriksaan bebas kawalan oleh fungsi audit dalaman, memastikan pembetulan di mana perlu, diambil dengan segera. Laporan audit dalaman akan dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Audit pertama dijadualkan selepas tarikh penerimaan laporan ini. Fungsi audit dalaman melapor terus ke Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit, dan penemuan dan syor-syor dikomunikasikan ke pihak pengurusan dan semua peringkat kakitangan yang berkenaan.

## Penyata Kewangan

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

### (e) Kebertanggungjawaban Awam

Sebagai penjaga kepada Kumpulanwang awam, urusniaga Syarikat dengan pihak umum sentiasa dilaksanakan secara benar, jujur dan professional.

### (f) Laporan Kewangan

Syarikat telah mematuhi kesemua keperluan yang ditetapkan dan telah mengambil amalan pengurusan yang konsisten dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah JPI/GPI 25: Rangka Kerja Pentadbiran Korporat Penanggung Insurans yang diterbitkan oleh BNM.

### PARA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang terakhir ialah:

Dato' Mohd Yusoff Haji Nasir (dilantik pada 10 Jun, 2002)  
Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman  
Dato' Haji Mohamed Husein  
Dato' Haji Abdul Mutalib Haji Mohd Ali Al Fakwie  
Dato' Tengku Hassan Tengku Omar  
Haji Taib Rasak  
Ismail Mahayudin  
Dato' Fadzil Yusoff  
Dato' Mohd Fadzli Yusof

Menurut Artikel 62, Tataurusan Syarikat, Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman, Dato' Tengku Hassan Tengku Omar dan Dato' Mohd Fadzli Yusof bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Menurut Artikel 66A, Tataurusan Syarikat, Dato' Mohd Yusoff Haji Nasir bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana layak, menawarkan dirinya untuk dilantik semula.

Dato' Haji Abdul Mutalib Haji Mohd Ali Al Fakwie bersara selaras dengan Artikel 129 (2), Akta Syarikat, 1965, dan satu resolusi sedang dicadangkan bagi perlantikan semula beliau sebagai Pengarah di bawah peruntukan Artikel 129 (6) Akta Syarikat, 1965 untuk memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

### MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang tahun dan pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang rancangan diatur yang melibatkan Syarikat sebagai satu pihak, yang mana matlamatnya ialah untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain, kecuali opsyen saham yang diberikan kepada pengarah-pengarah eksekutif melalui ESOS.

Sejak berakhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain dari manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran diterima atau akan diterima oleh para pengarah yang dinyatakan di dalam Nota 23 kepada penyata kewangan atau pendapatan tetap bagi pekerja sepenuh masa Syarikat) akibat dari sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau badan korporat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ia adalah ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan, telah ditawarkan dan telah menerima opsyen untuk melanggan saham di dalam Syarikat dan BIMB Holdings Berhad syarikat induk muktamad, melalui ESOS masing-masing. Kepentingan para pengarah di dalam opsyen bagi tahun kewangan semasa adalah seperti berikut.

**Penyata Kewangan**

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

**Bilangan Saham Biasa Berharga RM1 Setiap Satu di bawah setiap Opsyen**

	Harga Opsyen RM	1 Julai, 2001	Diberikan	Dilaksanakan	30 Jun, 2002
<b>Syarikat</b>					
Dato' Mohd Fadzli Yusof	4.10	100,000	-	-	100,000
<b>Syarikat Induk</b>					
<b>BIMB Holdings Berhad</b>					
Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman	2.13	500,000	-	-	500,000
Ismail Mahayudin	2.13	460,000	-	-	460,000
Dato' Fadzil Yusoff	2.13	410,000	-	-	410,000

**KEPENTINGAN PARA PENGARAH**

Menurut daftar pemegang saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan semasa, di dalam saham Syarikat dan BIMB Holdings Berhad, syarikat induk, sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

**Bilangan Saham Biasa Berharga RM1 Setiap Satu**

	1 Julai, 2001	Dibeli	Dijual	30 Jun, 2002
<b>Syarikat</b>				
Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman	10,000	-	-	10,000
Dato' Haji Abdul Mutalib Haji Mohd Ali Al Fakwie	10,000	-	-	10,000
Ismail Mahayudin	10,000	-	-	10,000
Dato' Mohd Fadzli Yusof	8,000	-	-	8,000
<b>Syarikat Induk</b>				
Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman	391,272	-	-	391,272
Ismail Mahayudin	149,000	-	-	149,000
Dato' Fadzil Yusoff	193,700	-	-	193,700
Dato' Mohd Fadzli Yusof	21,000	-	-	21,000

Tiada pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan semasa mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau badan korporat yang berkaitan di sepanjang tahun kewangan.

**JURUAUDIT**

Hanafiah Raslan & Mohamad bersara dan telah menyatakan hasrat mereka untuk tidak memohon untuk perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak  
Lembaga menurut resolusi  
para pengarah



**DATO' MOHD YUSOFF HAJI NASIR**



**DATO' MOHD FADZLI YUSOF**

Kuala Lumpur  
Bertarikh: 18 Oktober, 2002  
11 Syaaban, 1423


## Penyata Para Pengarah

Kami, **DATO' MOHD YUSOFF HAJI NASIR** dan **DATO' MOHD FADZLI YUSOF**, selaku dua daripada para pengarah **SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 87 hingga 120 memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 30 Jun, 2002 dan keputusan mereka serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan telah disediakan dengan wajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan piawai perakaunan berkenaan yang digunapakai dan diluluskan di Malaysia, diubahsuai untuk mematuhi hukum-hukum Syarak.

Ditandatangani bagi pihak  
Lembaga menurut resolusi  
para pengarah



**DATO' MOHD YUSOFF HAJI NASIR**



**DATO' MOHD FADZLI YUSOF**

Kuala Lumpur  
Bertarih: 18 Oktober, 2002  
11 Syaaban, 1423

## Akuan Berkanun


Saya, **MOHAMAD ASRI HAJI YUSOFF**, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD**, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan di mukasurat 87 hingga 120 adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya )  
oleh **MOHAMAD ASRI HAJI YUSOFF** )  
yang tersebut di atas di Kuala )  
Lumpur dalam Wilayah Persekutuan )  
pada 18 Oktober, 2002 )



**MOHAMAD ASRI HAJI YUSOFF**

Di hadapan saya:



Pesuruhjaya Sumpah  
**MOHD ILLIYAS BIN SEYED IBRAHIM**



## Laporan Majlis Pengawasan Syariah

Kami, **DATO' SHEIKH GHAZALI BIN HJ ABDUL RAHMAN** dan **DR. AHMAD SHAHBARI @ SOBRI BIN SALAMON** daripada Ahli Majlis Pengawasan Syariah **SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD**, bagi pihak ahli-ahli Majlis dengan ini mengesahkan bahawa pada pendapat kami operasi perniagaan Syarikat bagi tempoh 1 Julai, 2001 hingga 30 Jun, 2002 berjalan mengikut hukum-hukum Syarak.

Bagi pihak Majlis



**DATO' SHEIKH GHAZALI BIN HJ ABDUL RAHMAN**  
Ahli



**DR. AHMAD SHAHBARI @ SOBRI BIN SALAMON**  
Ahli

Kuala Lumpur  
Bertarikh: 18 Oktober, 2002  
11 Syaaban, 1423

## Laporan Juruaudit

Kepada Pemegang-pemegang saham  
**SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD**

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 87 hingga 120. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk mengemukakan pendapat kami ke atas penyata kewangan ini berdasarkan audit kami.

Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan keyakinan yang munasabah samada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang ketara. Audit termasuk memeriksa, melalui asas ujian, bukti yang akan menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian terhadap pembentangan keseluruhan penyata kewangan. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas yang wajar untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami,

- (a) penyata-penyata kewangan telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat 1965, garis panduan Bank Negara Malaysia dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia, diubahsuai menurut hukum-hukum Syarikat untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
  - (i) kedudukan hal ehwal urusan Kumpulan dan Syarikat pada 30 Jun, 2002 dan keputusan mereka serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - (ii) perkara-perkara yang diperuntukkan oleh Seksyen 169, Akta Syarikat 1965 untuk diuruskan dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan-laporan juruaudit subsidiari di mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit, seperti yang dinyatakan pada Nota 4 kepada penyata kewangan telah dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan.

Kami telah berpuashati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami juga telah menerima maklumat dan keterangan yang memuaskan seperti yang dikehendaki oleh kami untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan subsidiari-subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang kelayakan dan tidak mengandungi sebarang teguran di bawah subseksyen (3), Seksyen 174 Akta tersebut.

Hanafiah Raslan & Mohamad  
No. AF 0002  
Akauntan Bertauliah

Abdul Rauf bin Rashid  
No. 2305/05/04(J)  
Rakankongsi Firma

Bertarikh: 18 Oktober, 2002  
11 Syaaban, 1423

**Lembaran Imbangan Disatukan - 30 Jun, 2002**

	Nota	2002 RM	2001 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, peralatan dan kelengkapan	3(a)	143,938,541	139,626,662
Syarikat-syarikat bersekutu	5	1,493,240	2,180,845
Pembiayaan belumterima	6	55,448,821	60,807,880
Pelaburan	7	602,921,181	467,929,969
		<u>803,801,783</u>	<u>670,545,356</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Terhutang oleh syarikat-syarikat bersekutu		18,972	125,703
Terhutang oleh takaful semula		17,434,158	30,463,496
Cukai boleh terima		668,002	-
Pelbagai penghutang	8	23,316,050	15,214,944
Pelaburan jangka pendek	9	718,903,577	613,783,968
Wang tunai dan baki di bank	10	58,309,150	9,558,899
		<u>818,649,909</u>	<u>669,147,010</u>
<b>TANGGUNGAN SEMASA</b>			
Tuntutan-tuntutan yang diakui atau dilaporkan tetapi belumbayar		135,991,995	88,027,890
Terhutang kepada syarikat rakan subsidiari	11	1,602,851	1,564,474
Terhutang kepada takaful semula		53,353,905	56,869,441
Pelbagai pemiutang	12	44,624,015	40,624,924
Cukai		-	1,012,507
Dividen dicadangkan	25	-	2,970,000
		<u>235,572,766</u>	<u>191,069,236</u>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<u>583,077,143</u>	<u>478,077,774</u>
		<u>1,386,878,926</u>	<u>1,148,623,130</u>
<b>DIBIYAI OLEH:</b>			
<b>EKUITI PEMEGANG SAHAM</b>			
Modal saham	13	55,000,000	55,000,000
Rizab		51,695,456	41,611,023
		<u>106,695,456</u>	<u>96,611,023</u>
Kepentingan minoriti		6,840,511	7,839,849
		<u>113,535,967</u>	<u>104,450,872</u>
<b>KUMPULANWANG TAKAFUL</b>			
Kumpulanwang takaful keluarga	14	1,101,223,722	923,553,064
Kumpulanwang takaful am	15	108,822,163	82,540,616
Kumpulanwang takaful keluarga berkelompok	16	60,490,860	35,450,351
Kumpulanwang takaful semula am	17	423,913	410,818
Kumpulanwang takaful semula ATG	18	1,828,796	1,927,092
Kumpulanwang takaful semula keluarga	19	267,390	84,254
		<u>1,273,056,844</u>	<u>1,043,966,195</u>
<b>TANGGUNGAN JANGKA PANJANG</b>			
Terhutang kepada syarikat rakan subsidiari	11	286,115	206,063
		<u>1,386,878,926</u>	<u>1,148,623,130</u>

**Penyata Kewangan**

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

**Penyata Pendapatan Disatukan  
Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002**

	Nota	2002 RM	2001 RM
Pendapatan	20	77,016,591	57,519,993
Pendapatan pelaburan	21	10,227,042	3,523,789
Kos kakitangan		(36,909,226)	(28,546,493)
Susutnilai	3(a)(iii)	(4,697,332)	(3,621,734)
Lain-lain perbelanjaan kendalian	22	(33,401,998)	(24,180,069)
Keuntungan dari kendalian		12,235,077	4,695,486
Kos pembiayaan sewa beli		(51,347)	(61,581)
Perkongsi kerugian dalam syarikat bersekutu		(852,436)	(519,340)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		11,331,294	4,114,565
Cukai	24	(1,168,073)	(2,711,160)
Zakat	2(p)	(1,083,542)	(652,220)
Keuntungan selepas cukai dan zakat		9,079,679	751,185
Kepentingan minoriti		1,260,829	534,412
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		10,340,508	1,285,597
Perolehan sesaham (sen)			
Asas	26	18.8	2.3
Dicairkan sepenuhnya	26	-	-

## Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002

	Modal saham RM	Premium saham RM	Rizab pertukaran asing RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Julai, 2000	55,000,000	12,663,761	616,796	31,198,872	99,479,429
Perbezaan dalam terjemahan matawang	-	-	(1,184,003)	-	(1,184,003)
Perbezaan terjemahan matawang mewakili rugi bersih yang tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	(1,184,003)	-	(1,184,003)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	-	1,285,597	1,285,597
Dividen (Nota 25)	-	-	-	(2,970,000)	(2,970,000)
Pada 30 Jun, 2001	55,000,000	12,663,761	(567,207)	29,514,469	96,611,023
Perbezaan dalam pertukaran matawang	-	-	(256,075)	-	(256,075)
Perbezaan terjemahan matawang mewakili rugi bersih yang tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	(256,075)	-	(256,075)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	-	10,340,508	10,340,508
Pada 30 Jun, 2002	55,000,000	12,663,761	(823,282)	39,854,977	106,695,456

**Penyata Kewangan**

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

**Penyata Aliran Tunai Disatukan  
Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002**

	2002 RM	2001 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN KENDALIAN</b>		
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	11,331,294	4,114,565
Pelarasan untuk:		
Perkongsi kerugian dalam syarikat-syarikat bersekutu	852,436	519,340
Susutnilai:		
- Kumpulanwang pemegang saham	4,697,332	3,621,734
- Kumpulanwang takaful keluarga	985,501	877,011
- Kumpulanwang takaful am	510,482	426,254
Hartanah, peralatan dan kelengkapan dihapusira	99,567	189,429
Peruntukan bagi rosotnilai	42,364	-
Pendapatan dari pembiayaan belumterima	(1,142,390)	(1,225,648)
Pendapatan dari Akaun Pelaburan dan Bil Penerimaan Secara Islam	(3,115,216)	(2,898,242)
Pendapatan dividen	(563,564)	(468,755)
Kerugian/(keuntungan) daripada jualan saham tersiarharga (Kirapulih)/peruntukan bagi pengurangan nilai saham disebutharga, saham tak disebutharga dan saham amanah	1,866,101	(83,803)
- Kumpulanwang pemegang saham	(4,344,309)	5,289,242
- Kumpulanwang takaful keluarga	(13,258,721)	12,602,213
- Kumpulanwang takaful am	(10,001,176)	7,870,461
- Kumpulanwang takaful keluarga berkelompok	(1,747,489)	459,157
Kirapulih peruntukan pembiayaan belumterima (Kerugian)/keuntungan kendalian sebelum	-	(9,199,571)
perubahan dalam modal kerja	(13,787,788)	22,093,387
Tambahan dalam Kumpulanwang takaful keluarga	177,670,658	520,427,048
Tambahan dalam Kumpulanwang takaful keluarga berkelompok	25,040,509	9,614,740
Tambahan dalam Kumpulanwang takaful am	26,281,547	19,874,583
Tambahan/(kurangan) dalam Kumpulanwang takaful semula keluarga (Kurangan)/tambahan dalam Kumpulanwang takaful semula ATG	183,136	(8,238)
	(98,296)	1,020,629
Kurangan dalam Kumpulanwang takaful semula am	13,095	433,766
Pendapatan daripada jualan pelaburan	5,640,470	11,807,781
Pembelian pelaburan	(168,332,688)	(234,410,148)
Pembelian Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	(35,247,000)	(46,603,600)
Pendapatan dari Akaun Pelaburan dan Bil Penerimaan Secara Islam	3,115,216	2,898,242
Pendapatan dividen	563,564	468,755
Pembayaran diterima daripada pembiayaan belumterima	3,779,358	15,889,442
Pembiayaan belumterima dibayar	(1,537,783)	(4,877,701)
Tambahan dalam pemiutang (termasuk tuntutan yang diakui tetapi belumbayar)	48,719,600	9,064,447
Tambahan/(kurangan) dalam penghutang lain	9,294,840	(10,089,282)
Tunai berpunca dari kendalian	81,298,438	317,603,851
Zakat dibayar	(1,083,542)	(785,235)
Cukai pendapatan dibayar	(2,848,584)	(5,163,129)
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada kegiatan kendalian	77,366,312	311,655,487
<b>ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN PELABURAN</b>		
Pengambilan subsidiari, aliran tunai bersih (Nota (a))	-	12,151,308
Pelaburan hartanah, peralatan dan kelengkapan	(10,795,221)	(14,585,178)
Pembelian saham tambahan daripada syarikat-syarikat bersekutu	(164,831)	(2,473,000)
Aliran tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan	(10,960,052)	(4,906,870)

## Penyata Aliran Tunai Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002

	2002 RM	2001 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>		
Dividen dibayar	(2,970,000)	(4,125,000)
Tambahan bersih dalam tunai dan tunai setara	63,436,260	302,623,617
Tunai dan tunai setara pada awal tahun	623,342,867	320,719,250
Tunai dan tunai setara pada akhir tahun	686,779,127	623,342,867
Tunai dan tunai setara terdiri daripada:		
Wang tunai dan baki di bank	58,309,150	9,558,899
Pelaburan jangka pendek (kecuali Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia)	628,469,977	613,783,968
	686,779,127	623,342,867

Nota (a) Pengambilan subsidiari

Dalam tahun kewangan lepas, Kumpulan telah menambahkan pengambilan kepentingan ekuiti sebanyak 40.38% di dalam P.T. Syarikat Takaful Indonesia kepada 56%. Nilai saksama aset-aset dan tanggungan-tanggungan yang diambil ialah:

	RM
Wang tunai dan baki di bank	5,783,452
Akaun Pelaburan	15,890,961
Aset-aset semasa	7,255,990
Tanggungan semasa	(30,683,384)
Aset-aset bukan semasa	14,889,290
Kepentingan minoriti	(6,100,401)
Pengambilan aset bersih	7,035,908
Pengambilan muhibah	2,487,197
Jumlah harga pengambilan dalam wang tunai	9,523,105
Tolak: Wang tunai dan baki di bank	(5,783,452)
Akaun Pelaburan	(15,890,961)
Aliran tunai atas pengambilan, pengambilan tunai bersih	(12,151,308)

## Lembaran Imbangan - 30 Jun, 2002

	Nota	2002 RM	2001 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, peralatan dan kelengkapan	3(b)	141,075,428	136,796,911
Subsidiari-subsidiari	4	20,454,149	20,454,149
Syarikat-syarikat bersekutu	5	2,955,135	2,790,304
Pembiayaan belumterima	6	44,330,321	55,566,258
Pelaburan	7	598,722,439	461,897,530
		<u>807,537,472</u>	<u>677,505,152</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Terhutang oleh subsidiari		36,711	18,509
Terhutang oleh syarikat-syarikat bersekutu		18,972	104,704
Terhutang oleh takaful semula		16,867,368	30,463,496
Cukai boleh terima		959,612	-
Pelbagai penghutang	8	22,428,309	13,655,851
Pelaburan jangka pendek	9	671,716,991	573,288,352
Wang tunai dan baki di bank	10	52,615,272	7,554,701
		<u>764,643,235</u>	<u>625,085,613</u>
<b>TANGGUNGAN SEMASA</b>			
Tuntutan-tuntutan yang diakui atau dilaporkan tetapi belumbayar		104,474,599	84,881,681
Terhutang kepada syarikat rakan subsidiari	11	1,602,851	1,564,474
Terhutang kepada takaful semula		49,496,662	52,228,255
Pelbagai pemiutang	12	38,246,432	38,593,196
Cukai		-	720,051
Dividen dicadangkan		-	2,970,000
		<u>193,820,544</u>	<u>180,957,657</u>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<u>570,822,691</u>	<u>444,127,956</u>
		<u>1,378,360,163</u>	<u>1,121,633,108</u>
<b>DIBIAYAI OLEH :</b>			
<b>EKUITI PEMEGANG SAHAM</b>			
Modal saham	13	55,000,000	55,000,000
Rizab		56,001,381	44,013,065
		<u>111,001,381</u>	<u>99,013,065</u>
<b>KUMPULANWANG TAKAFUL</b>			
Kumpulanwang takaful keluarga	14	1,102,917,670	904,723,487
Kumpulanwang takaful am	15	103,664,137	82,240,142
Kumpulanwang takaful keluarga berkelompok	16	60,490,860	35,450,351
		<u>1,267,072,667</u>	<u>1,022,413,980</u>
<b>TANGGUNGAN JANGKA PANJANG</b>			
Terhutang kepada syarikat rakan subsidiari	11	286,115	206,063
		<u>1,378,360,163</u>	<u>1,121,633,108</u>



**Penyata Pendapatan**  
**Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002**

	<b>Nota</b>	<b>2002</b>	<b>2001</b>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pendapatan	20	64,097,192	53,563,331
Pendapatan pelaburan	21	7,445,543	894,355
Kos kakitangan		(31,356,544)	(26,040,316)
Susutnilai	3(b)(iii)	(4,219,192)	(3,028,812)
Lain-lain perbelanjaan kendalian	22	(21,812,222)	(18,591,643)
Keuntungan dari kendalian		14,154,777	6,796,915
Kos pembiayaan sewa beli		(51,347)	(61,581)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		14,103,430	6,735,334
Cukai	24	(1,148,258)	(2,528,209)
Zakat	2(p)	(966,856)	(510,846)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		<u>11,988,316</u>	<u>3,696,279</u>

## Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002

	Modal saham	Premium saham RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Julai, 2000	55,000,000	12,663,761	30,623,025	98,286,786
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	3,696,279	3,696,279
Dividen (Nota 25)	-	-	(2,970,000)	(2,970,000)
Pada 30 Jun, 2001	55,000,000	12,663,761	31,349,304	99,013,065
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	11,988,316	11,988,316
Pada 30 Jun, 2002	55,000,000	12,663,761	43,337,620	111,001,381

## Penyata Aliran Tunai

### Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002

	2002 RM	2001 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN KENDALIAN</b>		
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	14,103,430	6,735,334
Pelarasan untuk:		
Susutnilai:		
- Kumpulanwang pemegang saham	4,219,192	3,028,812
- Kumpulanwang takaful keluarga	985,501	877,011
- Kumpulanwang takaful am	510,482	426,254
Hartanah, peralatan dan kelengkapan dihapusira	99,567	189,429
Pendapatan dari pembiayaan belumterima	(1,142,390)	(1,225,648)
Pendapatan dari Akaun Pelaburan dan Bil Penerimaan Secara Islam	(386,831)	(405,804)
Pendapatan dividen	(563,564)	(468,755)
Kerugian/(keuntungan) daripada jualan saham tersiarharga (Kirapulih)/peruntukan bagi pengurangan nilai saham tersiarharga, saham tak tersiarharga dan amanah saham	1,866,101	(83,803)
- Kumpulanwang pemegang saham	(4,344,309)	5,289,242
- Kumpulanwang takaful keluarga	(13,178,380)	12,164,454
- Kumpulanwang takaful am	(10,103,563)	7,615,231
- Kumpulanwang takaful keluarga berkelompok	(1,747,489)	459,157
Kirapulih peruntukan pembiayaan belumterima	-	(11,030,368)
Keuntungan kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja	(9,682,253)	23,570,546
Tambahan dalam Kumpulanwang takaful keluarga	198,194,183	501,597,471
Tambahan dalam Kumpulanwang takaful am	21,423,995	19,574,109
Tambahan dalam Kumpulanwang takaful keluarga berkelompok	25,040,509	9,614,740
Pendapatan daripada jualan pelaburan	5,307,163	11,474,474
Pembelian pelaburan	(169,811,031)	(233,349,811)
Pembelian Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	(35,247,000)	(46,603,600)
Pendapatan dari Akaun Pelaburan dan Bil Penerimaan secara Islam	386,831	405,804
Pendapatan dividen	563,564	468,755
Pembayaran diterima daripada pembiayaan belumterima	9,656,236	16,110,518
Pembiayaan belumterima dibayar	(1,537,783)	(4,877,701)
Tambahan dalam pemiutang (termasuk tuntutan yang diakui tetapi belumbayar)	16,594,611	32,624,796
Kurangan/(tambahan) dalam terhutang oleh subsidiari dan syarikat bersekutu	67,530	(123,213)
Terhutang kepada subsidiari	38,377	778,685
Kurangan/(tambahan) dalam penghutang lain	9,083,545	(15,845,170)
Tunai berpunca dari kendalian	70,078,477	315,420,403
Zakat dibayar	(966,856)	(510,846)
Cukai pendapatan dibayar	(2,827,921)	(5,216,257)
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada kegiatan kendalian	66,283,700	309,693,300

## Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 30 Jun, 2002

	2002 RM	2001 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN PELABURAN</b>		
Pengambilan subsidiari	-	(9,523,105)
Pembelian saham tambahan dalam syarikat-syarikat bersekutu	(164,831)	(2,473,000)
Pelaburan hartanah, peralatan dan kelengkapan	(10,093,259)	(13,294,298)
Aliran tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan	<u>(10,258,090)</u>	<u>(25,290,403)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>		
Dividen dibayar	(2,970,000)	(4,125,000)
	<u>(2,970,000)</u>	<u>(4,125,000)</u>
Tambahan bersih dalam tunai dan tunai setara	53,055,610	280,277,897
Tunai dan tunai setara pada awal tahun	580,843,053	300,565,156
Tunai dan tunai setara pada akhir tahun	<u>633,898,663</u>	<u>580,843,053</u>
Tunai dan tunai setara terdiri daripada:		
Wang tunai dan baki di bank	52,615,272	7,554,701
Pelaburan jangka pendek (kecuali Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia)	581,283,391	573,288,352
	<u>633,898,663</u>	<u>580,843,053</u>

## Nota Berkenaan Penyata Kewangan - 30 Jun, 2002

### 1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah mengendalikan perniagaan takaful keluarga dan takaful am. Kegiatan utama subsidiari dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan. Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan utama di sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah syarikat tanggungan awam berhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Tingkat 2, Blok Annex, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Syarikat induk dan syarikat induk muktamad bagi Syarikat ialah BIMB Holdings Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur.

Bilangan kakitangan Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan masing-masing adalah seramai 1,584 (2001 : 1,264) dan 1,130 (2001 : 1,066).

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 18 Oktober, 2002.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### (a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Takaful, 1984 (pindaan), Garis Panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan piawaian perakaunan yang diguna pakai dan diluluskan di Malaysia, serta diubahsuai untuk mematuhi prinsip Syariah.

#### (b) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan terdiri daripada sumbangan, pendapatan sewa, pendapatan daripada pembiayaan BBA, pendapatan dividen, pendapatan daripada akaun pelaburan, pendapatan daripada bil penerimaan secara Islam, pendapatan daripada pembiayaan kakitangan dan lain-lain pendapatan.

Pendapatan diambilkira menurut dasar perakaunan tunai menurut hukum-hukum Syarak atas nasihat Majlis Pengawasan Syariah Kumpulan. Pendapatan yang belum diperolehi ditunda dan penerimaan terdahulu diambilkira sebagai tanggungan di dalam lembaran imbalan.

#### (c) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiarinya. Subsidiari-subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Syarikat mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat. Syarikat-syarikat yang diambilalih atau dilupuskan diambilkira dalam penyata kewangan disatukan daripada tarikh pengambilalihan atau tarikh pelupusan. Subsidiari-subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan perolehan.

Urusniaga, baki dan pendapatan belum terealisasi di antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan urus niaga dengan pihak ketiga sahaja. Rugi laba belum terealisasi telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak dapat dipulihkan.

Lebihan di antara kos pengambilalihan dengan nilai saksama bahagian aset bersih Kumpulan atas subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan dalam lembaran imbalan disatukan sebagai muhibah atau rizab daripada penyatuan dan dilunaskan kepada penyata pendapatan.

Pendapatan atau kerugian atas pelupusan subsidiari adalah perbezaan di antara penerimaan pelupusan bersih dengan bahagian Kumpulan dalam aset bersih.

#### (d) Syarikat Bersekutu

Kumpulan menganggap syarikat-syarikat bersekutu sebagai syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia melaksanakan pengaruh penting terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti yang berdasarkan penyata kewangan pengurusan syarikat bersekutu atau penyata kewangan syarikat bersekutu yang telah diaudit.

## **Penyata Kewangan**

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Perkongsian Kumpulan dalam keuntungan selepas pengambilalihan setelah ditolak kerugian syarikat-syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata pendapatan disatukan dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos beserta perkongsian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian terkumpul dan rizab terkumpul selepas pengambilalihan.

Pendapatan tak terealisasi dalam urus niaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu telah dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut. Kerugian tak terealisasi telah dihapuskan melainkan kos tidak dapat dipulihkan.

### **(e) Kumpulanwang Takaful Keluarga**

Kumpulanwang Takaful Keluarga diselenggarakan menurut kehendak Akta Takaful (Pindaan), 1984 dan termasuk bahagian keuntungan bagi peserta-peserta.

Keuntungan yang boleh diagihkan kepada peserta-peserta merupakan bahagian untung ke atas pulangan pelaburan Kumpulanwang Takaful Keluarga dan dibahagikan menurut kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang ditentukan oleh Syarikat.

### **(f) Kumpulanwang Takaful Am dan Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok**

Kumpulanwang Takaful Am dan Kumpulanwang Takaful Keluarga Berkelompok terdiri daripada rizab untuk sumbangan takaful yang belum diperolehi dan bahagian keuntungan bagi peserta-peserta.

Rizab bagi sumbangan takaful yang belum diperolehi untuk perniagaan Takaful Am dan Takaful Keluarga Berkelompok dikira menurut kaedah pembahagian masa (kaedah 1/365). Rizab bagi sumbangan takaful yang belum diperolehi untuk Perniagaan Takaful Semula Am dikira menurut kaedah 1/8.

Keuntungan yang boleh diagihkan kepada peserta-peserta merupakan bahagian untung bagi peserta-peserta dalam lebihan kendalian-kendalian Takaful Am dan Takaful Keluarga Berkelompok dan dibahagikan menurut kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang dinyatakan oleh Syarikat.

### **(g) Kumpulanwang Takaful Semula Am dan Kumpulanwang Takaful Semula Keluarga**

Kumpulanwang Takaful Semula Am dan Takaful Semula Keluarga terdiri daripada rizab untuk sumbangan takaful semula yang belum diperolehi dan bahagian keuntungan peserta-peserta takaful semula.

Rizab bagi sumbangan takaful semula yang belum diperolehi untuk perniagaan Takaful Semula Am dan Keluarga dikira menurut kaedah 1/24.

Keuntungan yang boleh diagihkan kepada peserta takaful semula merupakan bahagian untung bagi peserta-peserta takaful semula dalam lebihan kendalian-kendalian Takaful Semula Am dan Takaful Semula Keluarga dan dibahagikan menurut kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang dinyatakan oleh Syarikat.

### **(h) Kumpulanwang Takaful Semula ATG**

Kumpulanwang Takaful Semula ATG terdiri daripada rizab untuk sumbangan takaful semula yang belum diperolehi dan bahagian keuntungan peserta-peserta takaful semula.

Rizab bagi sumbangan takaful semula yang belum diperolehi untuk perniagaan Takaful Semula ATG dikira menurut kaedah 1/24.

Keuntungan yang boleh diagihkan kepada peserta takaful semula merupakan bahagian untung bagi peserta-peserta takaful semula dalam lebihan kendalian-kendalian Takaful Semula ATG dan dibahagikan menurut kehendak-kehendak dan syarat-syarat yang dinyatakan oleh Kumpulan.

### **(i) Lebihan Takaful Am dan Takaful Semula**

Lebihan Takaful Am dan Takaful Semula ditentukan selepas diambilkira takaful semula, rizab bagi sumbangan takaful yang belum diperolehi dan tuntutan yang belum dibayar.

### **(j) Tuntutan**

Peruntukan ke atas tuntutan adalah dibuat bagi anggaran kos tuntutan sepenuhnya bagi tuntutan-tuntutan yang dilaporkan tetapi belum dibayar pada tarikh lembaran imbangan setelah ditolak perolehan daripada takaful semula. Sebarang perbezaan di antara anggaran kos semasa dan penjelasan berikutnya adalah diambilkira dalam akaun hasil takaful bagi tahun di mana penjelasan itu dibuat.

Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan dan juga perbelanjaan berkaitan yang berlaku tetapi belum dilaporkan pada tarikh lembaran imbangan berdasarkan kepada nisbah tuntutan tahun lalu dan pertimbangan pihak pengurusan.

#### (k) Pertukaran dan Terjemahan Matawang Asing

Urusniaga dalam matawang asing telah ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Aset dan tanggungan matawang asing yang bersifat kewangan pada tarikh lembaran imbangan telah diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Keuntungan atau kerugian daripada urusniaga matawang asing hanya diiktiraf apabila direalisasikan bagi mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

Penyata kewangan subsidiari disatukan telah diterjemahkan pada kadar pertukaran akhir tahun bagi aset dan tanggungan, dan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga bagi penyata pendapatan.

Pada penyatuan, keuntungan hasil daripada terjemahan kepada Ringgit Malaysia dihantar ke rizab terjemahan matawang asing.

Kadar pertukaran matawang pada tarikh lembaran imbangan adalah seperti berikut:

	<b>2002</b>	<b>2001</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Dollar Amerika Syarikat	3.765	3.775
Rupiah Indonesia	0.00034	0.00031
Riyal Arab Saudi	0.99	0.99
Rupee Sri Lanka	0.004	0.0023

#### (l) Pelaburan

Pelaburan dalam saham yang disebut harga dinyatakan pada kos atau nilai pasaran yang mana lebih rendah yang ditentukan berdasarkan agregat kategori-kategori pelaburan. Peruntukan untuk rosot nilai dikenakan terus ke Kumpulanwang Takaful masing-masing di lembaran imbangan, mengikut garis panduan Bank Negara Malaysia. Sebarang peningkatan di dalam nilai pasaran pelaburan disebut harga diperlakukan sebagai kirapuluh bagi peruntukan rosot nilai sehingga ke nilai kos asal. Mengikut garis panduan BNM, peruntukan berdasarkan 8% lebih Kumpulanwang Takaful yang diagih kepada peserta dan Syarikat, setelah ditolak perbelanjaan pengurusan, dikenakan terus ke akaun pendapatan. Kumpulanwang Takaful masing-masing.

Peruntukan untuk rosot nilai yang timbul dari Kumpulanwang Pemegang Saham, dikenakan ke penyata pendapatan dengan serta merta.

Pelaburan dalam Bil Penerimaan Secara Islam dan Terbitan Sekuriti Islam tak disebut harga dinyatakan pada kos.

Pelaburan dalam sijil-sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia dinyatakan pada kos atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah yang ditentukan pada jumlah agregat.

Pelaburan dalam saham tak disebut harga dinyatakan pada kos dan ditolak sebarang peruntukan untuk sebarang kesusutan nilai bersifat kekal.

#### (m) Hartanah, Peralatan dan Kelengkapan

Hartanah, peralatan dan kelengkapan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Tanah milik bebas, bangunan dalam pembinaan, dan pengubahsuaian dalam pembinaan tidak disusut nilai. Bagi kesemua hartanah, peralatan dan kelengkapan yang lain, susut nilai diperuntukan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos setiap harta di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susut nilai tahunan yang utama adalah seperti berikut:

Tanah pegang pajak	Lebih 60 tahun
Bangunan	2%
Perabot, kelengkapan dan perkakas	16.7% - 20%
Kenderaan bermotor	20%
Komputer dan peralatan	16.7% - 33.3%

## Penyata Kewangan

